

Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat

(Ini adalah produk takaful)

LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK UNTUK AHLI YANG DILINDUNGI

PRUDENTIAL BSN
TAKAFUL

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai **Takaful Keluarga** anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda juga harus membacanya.**

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD
Tarikh: 1 Oktober 2025

1 Apakah Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat?

Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat ialah skim takaful berkelompok dan patuh Syariah yang menyediakan manfaat sekaligus sekiranya berlaku **kematian** akibat sebab semula jadi atau akibat kemalangan, serta menyediakan manfaat sekaligus sekiranya anda mengalami **Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (“TPD”)** disebabkan sebarang sebab.

Skim ini adalah **percuma** dan ia ditawarkan kepada ketua isi rumah daripada **keluarga miskin tegar dan miskin yang layak dan terpilih di bawah pangkalan data eKasih yang dikendalikan oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)** dan berumur diantara sembilan belas (19) dan lima puluh (50) tahun pada hari lahir akan datang.

Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat menawarkan perlindungan untuk tempoh **dua belas (12) bulan** dari tarikh sijil berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi. Ia diuruskan secara eksklusif oleh PruBSN Takaful Berhad (“PruBSN”).

Konsep Syariah yang berkenaan

- **Ta`awun:** Apabila Pemegang Sijil Induk menyumbang ke dalam Dana `Tabarru` untuk manfaat kewangan bersama apabila berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu.
- **Wakalah bi al-ujrah:** Apabila Pemegang Sijil Induk melantik PruBSN untuk mengurus dan melaburkan dana tersebut sebagai wakil, dan PruBSN akan menerima upah, termasuk yuran prestasi daripada lebihan yang boleh diagihkan daripada Dana `Tabarru`.

Nota: Penerangan produk di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda?

Manfaat-manfaat takaful berikut akan dibayar:

Manfaat untuk setiap Ahli yang Dilindungi yang Layak	Jumlah yang Dilindungi (RM)
Manfaat Kematian secara Semulajadi	13,500
Manfaat Kematian akibat Kemalangan	26,500
Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh	13,500

Tempoh Perlindungan

- Skim ini akan bermula pada **1 Oktober 2025 hingga 30 September 2026**.
- Pelan ini menawarkan perlindungan untuk tempoh **dua belas (12) bulan**.

Nota: Keterangan perlindungan dan manfaat di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

Produk takaful keluarga anda **mengecualikan**:

Kami tidak akan membayar **Manfaat Kematian secara Semulajadi** sekiranya kematian adalah secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh bunuh diri semasa waras atau tidak waras.

Kami tidak akan membayar **Manfaat Kematian akibat Kemalangan** sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau
- perang, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang yang diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, rampasan kuasa, penglibatan secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awal.

Kami tidak akan membayar TPD jika TPD Ahli yang Dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri semasa waras atau tidak waras; atau
- sebarang Keadaan yang Sedia Ada; atau

- peperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa.

Nota: Senarai pengecualian di atas adalah **tidak menyeluruh**. Anda mesti merujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful keluarga, anda boleh:



Hubungi PruBSN di:
03 2775 7188



E-mel di:
SIKR@prubsn.com.my



Layari laman sesawang
PruBSN:
www.prubsn.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda?

Sumbangan

Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat ialah skim percuma dengan sumbangan yang ditaja oleh Kerajaan Malaysia kepada ketua isi rumah yang layak terpilih daripada keluarga miskin dan miskin tegar yang berdaftar di bawah eKasih. Tiada bayaran sumbangan perlu dibuat jika anda terpilih untuk menyertai skim ini.

Penyerahan Tuntutan

- Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk memahami prosedur tuntutan.

4 Terma Utama Lain

- **Penamaan** – Anda dinasihatkan supaya menamakan penama (-penama) untuk sijil takaful bagi memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Anda juga harus memastikan bahawa penama(-penama) mengetahui tentang sijil yang telah anda ambil.
- **Tuntutan** – Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk atau Soalan Lazim (“FAQ”) untuk memahami dengan lebih lanjut mengenai prosedur tuntutan.

Nota: Terma utama di atas adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Ringkasan Sijil Induk untuk maklumat lanjut.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Tidak, anda tidak boleh membatalkan sijil anda. Hanya Pemegang Sijil Induk boleh membatalkan Sijil Induk/ perlindungan anda.

PruBSN adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (“TIPS”) PIDM atau hubungi PruBSN atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).